

# Konsensi jalan bertol tak lebih 35 tahun

BH-19/12/2006

**K**ERAJAAN memberi jaminan tidak melanjutkan tempoh konsesi jalan bertol melebihi 35 tahun kerana tidak mahu pengguna terpaksa membayar tol sepanjang hayat, kata Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu.

"Tempoh dikenakan antara 30 hingga 35 tahun. Jika suatu hari nanti kita bagi tempoh sehingga 60 tahun, seluruh negara akan jadi negara tol. Apabila tamat tempoh, ia mesti dihapuskan dan tanggungjawab kerajaan pula menyelenggaranya," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Beliau memberi contoh tol Jalan Kucing di Kuala Lumpur yang dihapuskan selepas tamat perjanjian walaupun banyak syarikat konsesi mahu mengambil alih jalan itu untuk diselenggara dan mengenakan tol kepada rakyat.

"Kita tolak cadangan itu kerana sudah berjanji dengan rakyat. Kita tidak mahu rakyat hilang keyakinan terhadap kerajaan," katanya.

Khamis lalu, Samy Vellu mengumumkan kenaikan kadar tol di lima lebuh raya di sekitar

Lembah Klang antara 30 sen hingga RM1 atau 15 hingga 60 peratus, berkuat kuasa 1 Januari ini.

Laluan itu ialah Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP), Lebuh Raya Shah Alam (Kesas), Lebuh Raya Cheras-Kajang, Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak (KL-Karak) dan Lebuh Raya Koridor Guthrie (GCE).

Kadar baru bagi tol LDP ialah RM1.60 (naik 60 sen), Kesas RM2.20 (naik 70 sen), KL-Karak RM5 di Tol Gombak (naik RM1) dan RM3 di Bentong (naik 50 sen), GCE RM1.40 (naik 40 sen) serta Lebuh Raya Cheras-Kajang RM1 di Batu 9 dan 90 sen di Batu 11 (kedua-duanya naik 30 sen).

Lima syarikat konsesi lebuh raya itu dibenar menaikkan kadar tol berdasarkan perjanjian dengan kerajaan, selepas mereka, yang sepatutnya berbuat demikian awal tahun ini, bersetuju menangkuskannya.

Samy Vellu sekali lagi menegaskan kadar tol di Malaysia masih rendah berbanding beberapa negara lain seperti China dan Filipina.

"Rakyat Malaysia ingat mereka saja yang membayar tol, Sebenarnya banyak negara di

seluruh dunia mengenakan tol kepada rakyat bagi menyelenggara jalan yang digunakan," katanya.

Beliau berkata, walaupun terpaksa menaikkan kadar tol, kerajaan masih perlu membayar pampasan berjumlah RM2.589 bilion kepada lima syarikat konsesi itu.

Beliau menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa syarikat konsesi mendapat keuntungan besar berikutan unjuran kadar trafik kerana sehingga kini kadar trafik yang melaluinya masih rendah.

"Kita juga perlu berlaku adil kerana syarikat konsesi bertanggungjawab terhadap pinjaman yang diambil untuk membina lebuh raya. Misalnya jika mereka membuat pinjaman RM1.4 bilion, kadar bunga yang terpaksa dibayar mungkin RM1.8 bilion dan mereka terpaksa membayar lebih RM3 bilion kepada bank mengikut tempoh pinjaman berkenaan," katanya.

"Jika mereka gagal menjelaskan pembayaran dalam tempoh pinjaman itu, kerajaan juga akan dipandang serong negara luar," katanya.